

Kesedaran perlu ada dalam penjenamaan produk halal

UB 08.06.2012 A3

Oleh KENNEDDY CORLEUS

kentjunior92@gmail.com

SIPITANG: Lambakan produk makanan dan kemudahan memperolehinya melalaikan segelintir umat Islam.

Exco Penerangan Negeri Sabah, Datuk Sapawi Ahmad, berkata keadaan itu turut mewujudkan sikap tidak kisah dalam kalangan mereka.

"Penjenamaan logo halal yang mengelirukan turut melalaikan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Seminar Kesedaran Makanan Halal anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (Jheains) bersama Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini, kelmarin.

Hadir sama pada majlis itu Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Dr. Harun Mohd Abdullah; Pegawai Daerah Sipitang, Latip Amat; Timbalan Pengarah Jheains, Mohamad Sidik Awang Adi; Dekan SSMP UMS, Prof. Madya Dr. Sharifudin Md Shaarani



SAPAWI menerima cenderkenangan daripada Prof Dr Harun di majlis itu.

dan pembentang kertas kerja 'Pendidikan Kepenggunaan Makanan Halal', Prof. Madya Mariam Abdul Latif.

Sapawi berkata tindakan Jakim menyergamkan penjenamaan logo halal banyak membantu umat Islam.

Katanya, langkah Jakim itu sememangnya tepat ketika umat Islam dihimpit dengan pelbagai perkara yang mengelirukan.

Sapawi yang juga Ahli

Parlimen Sipitang berkata, pengawasan masih perlu dilakukan oleh penguatkuasa yang berkaitan.

Katanya pengawasan yang ketat akan dapat menghalang daripada pengusaha yang bersikap tamak dan cuba memalsukan logo halal.

"Tindakan tegas perlu dikenakan kerana kita tidak mahu umat Islam ditipu dan logo halal dipermain-mainkan," katanya.

Begitupun Sapawi menegaskan bahawa umat Islam sendiri perlu memainkan peranan membantu pihak berkuasa di samping tidak mengamalkan sikap tidak kisah atau tidak peduli.

"Ketepikan sikap seumpama itu dan umat Islam harus bersikap prihatin," katanya sambil menambah keprihatinan umat Islam amatlah diharapkan.

Dalam pada itu, Sapawi

berharap agar pemimpin setempat tampil membantu menjayakan hab halal serantau dengan adanya kerjasama daripada semua pihak.

"Kita menjadikan Sipitang sebagai pusat hab halal serantau dan saya yakin ini boleh dicapai," katanya.

Beliau mahu agensi seperti UMS dan Jheains memainkan peranan dalam menjenamakan dan pelabelan produk halal.

"Memandangkan Sipitang amat terkenal dengan makanan sate, saya mahu ianya dijenamakan serta dilabelkan melalui kerjasama itu."

"Saya percaya Sipitang akan menjadi 'role model' hab halal kerana kedudukannya yang amat strategik memandangkan ia menjadi tempat persinggahan pengunjung dari Brunei dan Sarawak."

Ianya penting bagi memberi keyakinan kepada pengunjung bahawa produk makanan yang disediakan adalah benar-benar halal dan bersih dari segi pengendalian," katanya.



SEBAHAGIAN pemimpin-pemimpin setempat dan orang ramai yang hadir.